

**Penganalisis: Pengundi Sabah, S'wak pilih Najib berbanding Dr M
MalaysiaKini.com
22 Februari 2018**

Sikap keterbukaan Datuk Seri Najib Razak dalam berdepan isu semasa menjadi pendorong kepada pengundi Sabah dan Sarawak untuk terus kekal sebagai peti simpanan Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) kelak, kata penganalisis politik tempatan.

Mereka berpendapat perdana menteri sanggup turun ke Sabah dan Sarawak sekerap yang mungkin bagi menjelaskan dan memberikan status terkini mengenai isu semasa seperti pembangunan, infrastruktur, pendidikan dan ekonomi.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Prof Madya Dr Jeniri Amir berkata pengundi Sarawak, misalnya, lebih mementingkan isu yang dekat dengan kehidupan mereka membabitkan 'isi perut', buku teks sekolah anak-anak dan bantuan daripada kerajaan berbanding isu nasional.

"Berdasarkan kajian kami, sebanyak 60 peratus pengundi di Sarawak memberikan sokongan kepada perdana menteri walaupun pelbagai tohmahan daripada isu-isu di Semenanjung Malaysia. Ini bagi saya mengejutkan.

"Malah, mereka juga memberi sokongan kepada perdana menteri berikutan komitmen beliau yang sanggup turun padang sebanyak 59 kali di 126 lokasi berbeza sejak 2008.

"Keupayaan kerajaan menunaikan janji seperti pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) juga menjadi senjata ampuh dan berbisa dalam memenangi hati rakyat Sarawak," katanya pada sesi meja bulat membincangkan tajuk 'Sabah dan Sarawak Dalam PRU14: Antara Politik Pembangunan dan Perubahan Politik' hari ini.

Sesi itu dianjurkan Majlis Profesor Negara, Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa yang mengupas pelbagai isu politik tempatan selama sehari dan disertai pelbagai lapisan pakar politik dan penganalisis politik negara.

Turut senada dengan beliau ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Dr Arnold Puyok yang menyifatkan Najib, yang juga pengerusi BN dan presiden Umno, lebih disukai berbanding bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kerana sikapnya yang prihatin terhadap isu Sabah dan Sarawak.

“Tun Mahathir terkenal kerana tidak hiraukan perkongsian kuasa, hak autonomi sewaktu menjadi beliau perdana menteri dahulu.

“Ini jauh berbeza dengan Najib yang dilihat mendengar dan bersetuju dengan permintaan dari pemimpin Sabah dan Sarawak berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 dan kuasa autonomi,” katanya.

Timbalan Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara (MPN) Prof. Dr Jayum Jawan pula berkata majoriti pengundi Sabah dan Sarawak mahu terus kekal dengan Umn dan BN berbanding meletakkan pilihan tidak pasti di tangan pembangkang.

Beliau berkata ini kerana pengundi di Sabah dan Sarawak tidak mudah terpengaruh dengan dakwah dan peluru pembangkang berkaitan ketidakupayaan kerajaan dalam menjuarai isu pembangunan dan isu-isu tempatan.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Zaini Othman berkata aspek politik pembangunan dan perubahan politik saling berkait dan penting bagi menentukan kelangsungan Umno dan BN di Sabah.

Beliau menarik perhatian bahawa jika ada ‘ribut dalam cawan’, kestabilan politik di Sabah dan Sarawak akan goyah sekaligus memberikan ruang dan peluang kepada pembangkang untuk membuat kejutan pada PRU14 nanti.

“Jadi, kepimpinan Umno dan BN perlu melihat ruang yang boleh diperbaiki dalam mendekati pengundi khususnya golongan muda intelektual yang sering kali akan mempersoal kredibiliti pemilihan bakal pemimpin mereka,” jelasnya.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <https://www.malaysiakini.com/news/413081>